

04/09/2002

Malaysia tidak akan ekstradisi Yazid Sufaat ke Amerika

Kadir Dikoh; Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Yazid Sufaat, yang dikatakan dapat membantu siasatan Washington berhubung serangan 11 September, tidak akan diekstradisi ke Amerika Syarikat.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, sebaliknya berkata pihak berkuasa Amerika Syarikat akan dibenarkan ke sini bagi mengambil keterangan Yazid.

Norian yang dihubungi Berita Harian hari ini, juga mengesahkan Washington sudah mengemukakan permohonan bagi menemui Yazid.

"Permohonan itu disalurkan kerajaan Amerika Syarikat kepada Kementerian Luar dan pihak polis tahu mengenainya," katanya bagi mengulas laporan bahawa Amerika akan meminta kebenaran Malaysia untuk menyoal Yazid.

Yazid, bekas pegawai tentera berpangkat kapten, dianggap Washington boleh membantu perbicaraan kes terhadap Zacarias Moussaoui - warga Perancis yang menghadapi tuduhan berkomplot dalam tragedi 11 September.

Asian Wall Street Journal (AWSJ) hari ini memetik seorang pegawai kanan Malaysia sebagai berkata Jabatan Kehakiman Amerika sudah meminta ejen Biro Siasatan Persekutuan (FBI) dibenarkan untuk menyoal Yazid berkaitan hubungannya dengan Moussaoui.

Yazid, 37, yang juga pakar mikrobiologi, kini ditahan di Kem Tahanan Kamunting kerana dipercayai terbabit dalam cubaan menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Dia yang disyaki menganggotai Kumpulan Militan Malaysia (KMM), ditahan pada 9 Disember lalu di Pusat Pemeriksaan Imigresen Bukit Kayu Hitam ketika dalam perjalanan pulang dari Thailand. Sebelum itu, Yazid juga dikatakan ke Karachi, Pakistan untuk menghadiri kursus patologi.

Yazid didakwa menerima Moussaoui sebagai tetamu ketika kunjungannya ke Malaysia pada September dan Oktober 2000, iaitu lapan bulan sebelum serangan 11 September. Ketika di sini, Moussaoui dikatakan tinggal di apartmen Yazid.

Norian bagaimanapun enggan mengulas bila pihak berkuasa Amerika akan ke sini untuk mengambil keterangan Yazid.

Sementara itu, mengulas perkara yang sama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditemui pemberita selepas merasmikan satu persidangan mengenai pencucuaian di sini, berkata: "Saya tidak tahu mengenai perkara itu."

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, apa saja yang hendak dilakukan Amerika, termasuk menyoal Yazid, mestilah selaras dengan undang-undang negara ini.

Ditanya sama ada Amerika Syarikat akan diberi kebenaran menemui Yazid, beliau berkata: "Ia akan melalui proses biasa ekstradisi."